

Bab 5

Rumusan dan Perbincangan

Pengenalan

Bab ini akan membincang rumusan dapatan analisis data. Selain itu, diutarakan beberapa cadangan untuk meningkatkan lagi keberkesanan kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) dan mutu penulisan karangan di kalangan mahasiswa dan juga pelajar sekolah.

Perbincangan dan Rumusan

Secara keseluruhannya, bagi setiap bahagian sama ada isi, organisasi, bahasa maupun secara keseluruhan penulisan karangan jenis perbincangan, terdapat perbezaan yang signifikan sebelum dengan selepas pengajaran kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) dijalankan. Hal ini membayangkan bahawa kursus LKM 400 sangat berkesan dan memberikan impak yang menyeluruh terhadap mutu penulisan karangan jenis perbincangan di kalangan Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM). Pencapaian pelajar dalam penulisan karangan telah meningkat dari keempat-empat segi iaitu isi, organisasi, bahasa dan secara keseluruhan. Ini dapat dilihat pada markah min antara praujian dengan pascaujian.

Hasil analisis dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan iaitu Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) tidak menunjukkan perbezaan pencapaian kerana kedua-dua kumpulan ini telah diberi pendedahan terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah selama sekurang-kurangnya 11 tahun iaitu

bermula dari Darjah 1 hingga ke Tingkatan 5. Oleh itu, tiada perbezaan taraf penguasaan Bahasa Melayu yang ketara antara mereka.

Kursus LKM 400 yang dijalankan selama 12 minggu menunjukkan satu peningkatan yang positif terhadap pencapaian pelajar (Kumpulan Pelajar Melayu dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu) kerana kursus ini memberi pendedahan yang mendalam tentang semua aspek tatabahasa dan juga kaedah penulisan yang berkesan serta latihan-latihan yang relevan. Dengan ini, kursus ini telah dapat membuka minda pelajar dengan lebih luas terhadap mutu penulisan karangan.

Walaupun bagi setiap bahagian iaitu secara keseluruhan, dari segi isi, organisasi dan bahasa menunjukkan peningkatan pencapaian pelajar selepas pendedahan terhadap kursus LKM 400 diberikan, namun jika dilihat dari segi isi bagi kedua-dua kumpulan (KPM dan KPBM) didapati perbezaan min antara praujian dengan pascaujian hanyalah 1.77. Peningkatan ini adalah agak kecil. Hal ini mungkin disebabkan para pelajar tidak dapat menguasai tajuk yang diberikan secara meluas. Oleh itu, untuk menambahkan pengetahuan pelajar tentang sesuatu topik yang dikemukakan, para guru dan para pensyarah mestilah menggalakkan para pelajar membaca terutamanya akhbar yang mengandungi pelbagai maklumat tentang politik, ekonomi dan sosial.

Jika dilihat dari segi organisasi di kalangan KPM dan KPBM, memang terdapat peningkatan pencapaian. Min markah bagi praujian ialah 10.76 . Manakala min markah bagi pascaujian ialah 13.90. Walaupun terdapat peningkatan tetapi peningkatan itu hanyalah sedikit . Ini dapat diperhatikan pada perbezaan min markah antara praujian dengan pascaujian iaitu 3.14. Aspek organisasi bagi kursus LKM 400 mementingkan pemerengganan, kohesi dan kesinambungan serta kesepadan antara satu ayat dengan ayat

yang lain. Sebuah perenggan yang lengkap mesti mengandungi ayat topik, ayat penyangga utama, ayat penyangga kecil dan ayat kesimpulan.

Akan tetapi, kajian ini mendapati bahawa kesinambungan antara satu perenggan dengan perenggan yang lain tidak begitu baik. Terdapat binaan wacana yang agak longgar. Selain itu, para pelajar kursus ini juga didapati kebanyakannya tidak mengakhiri sesuatu perenggan dengan ayat kesimpulan iaitu ayat akhir sebelum berakhir ke perenggan yang lain. Ayat kesimpulan ini selalunya akan menegaskan semula tajuk perbincangan.

Bagi aspek bahasa, para pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan telah mencapai satu tahap peningkatan yang agak memuaskan. Bagi kedua-dua kumpulan (KPM dan KPBМ), perbezaan min antara praujian dengan pascaujian ialah 11.99. Nilai ini adalah agak tinggi. Besar kemungkinan aspek-aspek tatabahasa yang dibincangkan dalam kursus LKM 400 ini beserta latihan-latihan yang relevan memberikan kesan yang agak mendalam kepada pelajar dari aspek bahasa.

Cadangan-cadangan

Kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) ini dapat ditingkatkan lagi keberkesanannya dengan menambahkan jam pengajaran seminggu iaitu dari 2 jam ke 3 jam kerana jika kuliah dijalankan dalam masa 2 jam tidak banyak latihan yang boleh diberikan kerana para guru bukan sahaja perlu memberikan kuliah tetapi juga mengendalikan tutorial dalam masa 2 jam. Selepas setiap pengajaran, latihan adalah sangat penting bagi meningkatkan ingat n pelajar dan juga sebagai satu penilaian untuk memastikan sama ada perkara yang diajar itu telah dimanfaatkan.

Dicadangkan agar semua institusi pengajian tinggi di Malaysia menawarkan kursus Bahasa Malaysia seperti yang ditawarkan di Universiti Sains Malaysia agar pencapaian mahasiswa dalam bidang penulisan dapat ditingkatkan. Pihak Kementerian Pendidikan perlulah campurtangan dalam hal ini supaya mewajibkan semua institusi pengajian tinggi menjalankan tanggungjawab masing-masing terhadap meningkatkan mutu dan tahap penulisan mahasiswa universiti.

Oleh sebab kursus LKM 400 telah memberikan kesan yang positif terhadap peningkatan pencapaian pelajar dari segi penulisan, dicadangkan agar kajian lain dijalankan bagi menambahkan lagi keberkesanannya kursus ini terutamanya dari segi lisan. Ini adalah kerana lisan merupakan satu lagi komponen bagi kursus LKM 400 ini. Jika para pelajar dilatih untuk bertutur dengan baik maka mereka akan lebih yakin pada diri mereka dan ini akan memudahkan mereka apabila mereka keluar bekerja nanti. Tajuk-tajuk lisan yang boleh diberikan kepada pelajar mestilah mengenai tajuk-tajuk semasa yang agak menarik dan penting bagi pengetahuan mereka untuk dibincangkan. Dengan ini, kelas lisan itu tidaklah akan menjadi bosan dan tajuk-tajuk yang menarik seringkali menjadikan para pelajar lebih berminat untuk mengetahui tentang sesuatu tajuk yang dibincangkan.

Kemahiran mendengar bukanlah satu komponen bagi kursus ini. Untuk membaikkan lagi kursus ini, satu komponen baru iaitu kemahiran mendengar boleh diajar kepada para pelajar. Dicadangkan agar pihak Pusat Bahasa dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia mengambil inisiatif untuk mengembangkan lagi kursus ini dengan mengajar para pelajar lebih banyak kemahiran. Kemahiran mendengar merupakan satu kemahiran bahasa yang jarang diajar oleh guru di sekolah maupun di institusi pengajian tinggi. Akan tetapi setiap pelajar perlu dilatih bagaimana hendak mendengar dengan tekun

dan tajam. Jika kursus LKM 400 dapat mencantumkan ketiga-tiga kemahiran iaitu kemahiran menulis, mendengar dan bertutur, sudah pasti para pelajar akan mendapat manfaat yang tidak ternilai.

Kesimpulan

Kajian ini telah sedikit sebanyak memberikan maklumat tentang keberkesanan kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) di Universiti Sains Malaysia. Beberapa cadangan yang difikirkan baik juga telah diutarakan. Oleh itu, semua pihak haruslah bekerjasama bagi meningkatkan mutu penulisan pelajar terutamanya mahasiswa institusi pengajian tinggi yang akan menjakkan kaki ke alam kerjaya. Selain itu, pihak Pusat Bahasa dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia perlulah mengambil inisiatif yang lebih untuk memikirkan cara-cara lain untuk meningkatkan keberkesanan kursus LKM 400 ini.